



TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN

1. PERJANJIAN DIANTARA PENGGUNA DAN KORPORAT PORTAL KAF
 - 1.1 ANDA HENDAKLAH MEMBACA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN KERANA IANYA MENGENAKAN OBLIGASI-OBLIGASI KE ATAS ANDA TERMASUKLAH TERMA-TERMA BERKENAAN HAD HAK ANDA DAN PENGECUALIAN LIABILITI KAMI.
 - 1.2 Laman Web Portal Korporat KAF terdiri daripada pelbagai laman web yang dikendalikan oleh Portal Korporat KAF di bawah hakmilik Kumpulan Syarikat KAF. Bagi tujuan laman Web Portal Korporat KAF, Kumpulan Syarikat KAF merangkumi KAF Investment Bank Berhad, KAF Seagroatt & Campbell Berhad., KAF Trustee Berhad, KAF Research Sdn. Bhd., KAF Investment Funds Berhad, dan Syarikat lain dalam KAF.
 - 1.3 Terma-Terma Dan Syarat-Syarat Penggunaan (T&S) ini menetapkan basis persetujuan anda untuk mendapatkan akses dan menggunakan Laman Web Portal Korporat KAF.
 - 1.4 Laman Web Portal Korporat KAF ini ditawarkan kepada anda atas persetujuan anda untuk menerima segala terma, syarat dan notis yang terkandung disini tanpa apa-apa pengubahsuaian. Anda dianggap bersetuju untuk menerima segala terma, syarat dan notis apabila anda melayari Laman Web Portal Korporat KAF. Sekiranya anda tidak menerima mana-mana terma yang dinyatakan disini, sila hentikan akses anda ke Laman Web Portal Korporat KAF.
2. PERUBAHAN KEPADA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN
 - 2.1 Kumpulan Syarikat KAF berhak menukar terma-terma, syarat-syarat dan notis-notis yang ditawarkan di Laman Web Portal Korporat KAF, termasuk tetapi tidak terhad kepada, caj-caj yang berkenaan dengan penggunaan Laman Web Portal Korporat KAF.
3. LAMAN PAUTAN LAMAN WEB PIHAK KETIGA
 - 3.1 Laman Web Korporat Portal KAF mungkin mengandungi pautan kepada laman web pihak ketiga (“Laman Pautan Pihak Ketiga”) yang bukan di bawah kawal selia Kumpulan Syarikat KAF dan KAF tidak akan bertanggungjawab terhadap isi kandungan yang terdapat di dalam mana-mana Laman Pautan Pihak Ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada pautan lain yang terdapat di Laman Pautan Pihak Ketiga atau apa-apa perubahan dan penambahbaikan terhadap Laman Pautan Pihak Ketiga tersebut. Kumpulan Syarikat KAF tidak akan bertanggungjawab terhadap siaran web atau apa-apa jenis transmisi (“transmission”) yang diterima daripada mana-mana Laman Pautan Pihak Ketiga. Kumpulan Syarikat KAF menyediakan Laman Pautan Pihak Ketiga di dalam Laman Web Korporat Portal KAF untuk kemudahan anda sahaja dan dengan adanya pautan pihak ketiga ini, kami tidak sama sekali memberi pengendorsan, kebenaran atau tajaan secara

tersurat mahupun tersirat kepada mana-mana Laman Pautan Pihak Ketiga yang kami sediakan atau sebarang penglibatan dengan operator Laman Pautan Pihak Ketiga tersebut. Sebarang akses dan penggunaan Laman Pautan Pihak Ketiga adalah di bawah risiko anda sepenuhnya. Kumpulan Syarikat KAF, pengarah, kakitangan, wakil dan/atau pembekal kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang transaksi yang anda boleh lakukan di Laman Pautan Pihak Ketiga.

4. **TIADA PENGUNAAN TANPA KEBENARAN ATAU YANG MENYALAHİ UNDANGUNDANG.**
 - 4.1 Sebagai syarat penggunaan anda ke atas Laman Web Korporat Portal KAF, anda memberi jaminan kepada Kumpulan Syarikat KAF bahawa anda tidak akan menggunakan Laman Web Korporat Portal KAF untuk tujuan yang melanggar undangundang atau yang dilarang oleh terma-terma, syarat-syarat dan notis-notis yang dinyatakan di sini. Anda juga dilarang melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan, melumpuhkan, membebankan atau menjelaskan Laman Web Korporat Portal KAF atau mengganggu penggunaan dan kesenangan pengguna lain yang juga melayari Laman Web Korporat Portal KAF. Anda adalah tidak dibenarkan mengambil atau cuba untuk mengambil mana-mana bahan atau informasi yang terdapat di dalam Laman Web Korporat Portal KAF melalui dengan apa cara sekalipun melainkan bahan atau informasi melalui sumber lain yang tersedia atau diberikan secara tidak sengaja melalui Laman Web Korporat Portal KAF.
5. **TIADA LESEN TERSIRAT (“IMPLIED LICENSE”)**
 - 5.1 Kumpulan Syarikat KAF memberikan anda lesen terhad untuk mengakses dan menggunakan Laman Web Korporat Portal KAF untuk kegunaan sendiri dan anda adalah tidak dibenarkan memuat naik, mengubahsuai samada keseluruhan atau sebahagian daripada Laman Web Korporat Portal KAF melainkan jika anda telah mendapat kebenaran bertulis daripada Kumpulan Syarikat KAF. Lesen ini tidak termasuk sebarang penjualan semula atau penggunaan komersial Laman Web Korporat Portal KAF atau isi kandungannya. Lesen yang diberikan Kumpulan Syarikat KAF adalah tidak termasuk penggunaan / perlombongan data (data mining), robot atau apa-apa pengumpulan data yang serupa atau alat untuk tujuan pengekstrakan. Laman Web KAF Korporat Portal atau mana-mana bahagiannya tidak boleh dihasilkan semula, diulang, dibuat salinan, dijual, dijual semula, diterbitkan semula, dimuat turun, dipaparkan, diedarkan, disebarluaskan, disiarkan, dihantar atau dipergunakan untuk mana-mana kegunaan komersial samada secara keseluruhan mahupun sebahagian selain daripada untuk kegunaan peribadi. Sebarang penggunaan Laman Web Korporat Portal KAF yang selain daripada penggunaan peribadi, mesti mendapatkan kebenaran bertulis daripada Kumpulan Syarikat KAF. Anda juga bersetuju untuk tidak memakai, mengubahsuai atau mencipta kerja terbitan (“derivative work”) daripada keseluruhan mahupun sebahagian daripada Laman Web Korporat Portal KAF termasuk dan tidak terhad kepada, apa-apa bahan bacaan yang digunakan dan dipaparkan di Laman Web Korporat Portal KAF ataupun menggunakan bahan bacaan tersebut untuk tujuan lain selain daripada yang telah dinyatakan di dalam perenggan ini.

6. PENGGUNAAN PERKHIDMATAN KOMUNIKASI

- 6.1 Laman Web Korporat Portal KAF mungkin mengandungi perkhidmatan papan bulletin, halaman berbual (“chat areas”), kumpulan berita, forum, komuniti, laman web peribadi, kalendar, dan/atau mesej-mesej lain atau kemudahan komunikasi lain yang direka untuk membolehkan anda berkomunikasi dengan orang ramai secara keseluruhan atau berkumpulan (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “Perkhidmatan Komunikasi”), anda bersetuju untuk menggunakan Perkhidmatan Komunikasi hanya untuk tujuan memaparkan, menghantar dan hanya akan menerima mesej-mesej dan bahan bacaan yang sesuai dan berkenaan dengan Perkhidmatan Komunikasi tersebut. Sebagai contoh, tetapi tidak terhad kepada, anda bersetuju bahawa apabila anda menggunakan Perkhidmatan Komunikasi tersebut anda tidak akan:
- a. Memfitnah, menyalahgunakan, mengganggu, menghendap, mengugut atau melanggar hak undang-undang pihak lain seperti hak privasi dan publisiti;
 - b. Menerbitkan, menyiarkan, memuat naik, mengedarkan atau menyebarkan apa-apa perkara yang tidak sesuai bersifat karut, fitnah, yang mengingkari (“infringing”), lucah, tidak sopan, atau topik, nama, bahan bacaan, atau informasi yang menyalahi undang-undang;
 - c. Memuat naik fail yang mengandungi perisian, atau bahan-bahan lain yang dilindungi di bawah Undang-Undang Harta Intelek (atau dengan hak privasi dan hak publisiti) melainkan jika anda memiliki atau mempunyai kawalan terhadap hak-hak tersebut atau telah menerima kebenaran yang diperlukan;
 - d. Memuat naik fail yang mengandungi virus-virus, atau fail-fail yang telah rosak, atau apa juar perisian yang serupa dengannya atau program yang boleh menyebabkan kerosakan kepada operasi komputer lain;
 - e. Membuat iklan atau tawaran untuk membeli atau menjual apa-apa barang atau perkhidmatan untuk apa-apa tujuan perniagaan, melainkan jika Perkhidmatan Komunikasi tersebut memberikan anda kebenaran spesifik untuk berbuat sedemikian;
 - f. Melakukan atau menyebarkan kajian selidik peraduan, skim pyramid atau surat berantai (“chain letter”);
 - g. Memuat naik apa-apa fail yang disebarluaskan oleh pengguna Perkhidmatan Komunikasi lain yang anda ketahui, atau wajar anda ketahui bahawa penyebaran fail tersebut adalah tidak boleh dilakukan dari segi undangundang;
 - h. Memalsukan atau memadamkan apa-apa pengesahan penulis, notis undangundang atau notis atau penetapan hak milik (proprietary designations) atau label-label yang menunjukkan asal atau sumber perisian atau bahan lain yang mengandungi fail yang telah dimuat naik;
 - i. Menyekat atau menghalang pengguna lain daripada menggunakan dan menikmati Perkhidmatan Komunikasi tersebut;
 - j. Melanggar sebarang kod kelakuan atau garis panduan lain yang mungkin terpakai kepada mana-mana Perkhidmatan Komunikasi ini;
 - k. Mengumpul informasi tentang pihak lain, termasuklah alamat e-mel tanpa kebenaran pihak tersebut yang bertentangan dengan Akta Perlindungan

- Peribadi 2010;
- l. Menjalankan atau melakukan sebarang aktiviti atau tindakan atau mengambil langkah seterusnya untuk melaksanakan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang; dan
 - m. Melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan yang terpakai di Malaysia buat masa ini.
- 6.2 Kumpulan Syarikat KAF tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk memantau Perkhidmatan Komunikasi tersebut. Walaubagaimanapun, Kumpulan Syarikat KAF berhak untuk menyemak bahan-bahan bacaan yang dipaparkan di dalam Perkhidmatan Komunikasi dan memadamkan apa-apa bahan bacaan atas budibicara Kumpulan Syarikat KAF. Kumpulan Syarikat KAF juga mempunyai hak untuk menamatkan akses anda ke mana-mana atau kesemua Perkhidmatan Komunikasi pada bila-bila masa tanpa memberikan notis atas sebarang sebab sekalipun.
- 6.3 Kumpulan Syarikat KAF juga mempunyai hak dan budibicara untuk mengubah, atau enggan memaparkan atau memadamkan/membuang mana-mana informasi atau bahan bacaan, samada secara keseluruhan atau sebahagian.
- 6.4 Anda adalah dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati semasa memberikan informasi tentang diri anda yang boleh dikenalpasti dalam mana-mana Perkhidmatan Komunikasi. Kumpulan Syarikat KAF tidak mengawal atau mengendors sebarang isi kandungan, pesanan atau informasi yang ditemui di mana-mana Perkhidmatan Komunikasi dan oleh yang demikian, Kumpulan Syarikat KAF secara spesifik manafikan sebarang liabiliti terhadap Perkhidmatan Komunikasi tersebut dan apa-apa tindakan anda ekoran penglibatan anda di Perkhidmatan Komunikasi tersebut. Adalah dimaklumkan bahawa pengurus laman sesawang dan hos bukan jurucakap yang diberikuasa oleh Kumpulan Syarikat KAF dan pandangan mereka tidak semestinya menggambarkan pandangan Kumpulan Syarikat KAF.
- 6.5 Bahan bacaan yang dipaparkan di dalam Perkhidmatan Komunikasi adalah tertakluk kepada limitasi penggunaan yang dinyatakan, penerbitan semula dan/atau penyebaran. Anda adalah bertanggungjawab untuk mematuhi limitasi-limitasi tersebut sekiranya anda memuat turun sebarang bahan bacaan di dalam Perkhidmatan Komunikasi.
7. BAHAN-BAHAN BACAAN YANG DIBERIKAN KEPADA KUMPULAN SYARIKAT KAF ATAU YANG DITERBITKAN DAN/ATAU DIPAPARKAN DI LAMAN WEB KORPORAT PORTAL KAF.
- 7.1 Kumpulan Syarikat KAF tidak menuntut hak milik bagi bahan-bahan bacaan yang telah anda berikan kepada kami (termasuklah maklum balas dan cadangan) atau paparan, muat naik, input atau penyerahan kepada mana-mana Laman Web Korporat Portal atau lain-lain Perkhidmatan

yang berkaitan (secara kolektif dirujuk sebagai “Penyerahan”). Walaubagaimanapun, apabila anda memaparkan, memuat naik, meletakkan, memberikan atau menghantar Penyerahan anda, anda adalah dianggap telah memberikan Kumpulan Syarikat KAF, Syarikat bersekutu KAF dan penerima sub-lesen kebenaran yang berkenaan untuk menggunakan Penyerahan anda dalam operasi perniagaan internet termasuk dan tidak terhad kepada hak untuk membuat salinan, mengedarkan, menghantar, dipaparkan kepada umum dipersembahkan kepada umum, diterbitkan semula, diubah, diterjemahkan, dan diformat semula Penyerahan anda, dan kami akan menerbitkan Penyerahan anda atas nama anda melainkan jika dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh anda.

Bagi penggunaan data peribadi dan informasi, sila rujuk Pernyataan Privasi kami yang merupakan sebahagian daripada T&C ini. Anda juga dinasihatkan untuk merujuk kepada perenggan 8 yang dinyatakan di bawah.

- 7.2 Kami tidak akan memberi sebarang ganti rugi terhadap penggunaan Penyerahan anda seperti apa yang telah dinyatakan di sini. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk memaparkan atau menggunakan sebarang Penyerahan yang telah anda berikan dan mana-mana Penyerahan anda boleh dikeluarkan pada bila-bila masa menurut budi bicara kami.
- 7.3 Apabila anda memaparkan, memuat naik, meletakkan, memberikan atau menghantar Penyerahan anda, anda memberi representasi dan jaminan bahawa anda adalah tuan punya atau sebaliknya mempunyai kuasa untuk mengawal Penyerahan tersebut sepertimana yang telah dinyatakan di bahagian ini termasuk dan tidak terhad kepada kesemua hak-hak yang diperlukan untuk anda memberikan, memaparkan, memuat naik, input atau menghantar Penyerahan tersebut.

8. DATA PERIBADI ATAU INFORMASI

- 8.1 Selari dengan pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, anda juga dinasihatkan bahawa kesemua data peribadi yang telah kami kumpul atau yang telah dizahirkan kepada kami melalui Laman Web Korporat Portal KAF atau secara terus daripada anda melalui cara lain yang boleh dan mungkin boleh digunakan untuk tujuan seperti yang dinyatakan di dalam Pernyataan Privasi kami.
- 8.2 Anda adalah dinasihatkan untuk membaca Dasar Privasi kami dengan teliti kerana Pernyataan Privasi kami merupakan garis panduan bagi pengumpulan dan penggunaan data peribadi serta apa-apa perkara yang berkaitan.

9. PENAFIAN TANGGUNGJAWAB (“LIABILITY DISCLAIMER”)

- 9.1 Informasi, perisian, produk dan perkhidmatan yang disertakan bersekali di dalam atau yang terdapat melalui Laman Web Korporat Portal KAF mungkin mengandungi maklumat yang kurang tepat atau kesilapan ejaan. Pemindaan informasi yang terkandung disini dilakukan dari semasa ke semasa. Kumpulan Syarikat KAF, pengaruhnya, pegawainya, wakil-wakilnya dan pembekalnya boleh membaikpulih dan/atau mengubah isi kandungan Laman Web Korporat Portal KAF tersebut pada bila-bila masa.
- 9.2 Anda bertanggungjawab untuk menilai kualiti, kelengkapan, kesempurnaan, ketepatan, dan faedah kesemua perkhidmatan, isi kandungan, nasihat, pendapat dan informasi lain yang terdapat atau boleh didapati melalui Laman Web Korporat Portal ini; kesemua berita, artikel dan bahan-bahan bacaan lain yang dipaparkan di dalam laman web ini adalah untuk informasi anda sahaja dan tidak boleh dijadikan bahan gantian rujukan untuk kajian dan/atau verifikasi.
- 9.3 Sebarang informasi yang diberikan oleh Kumpulan Syarikat KAF adalah secara am dan tanpa mengambil kira objektif dan keperluan anda secara khusus. Oleh yang demikian, anda adalah dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat nasihat profesional pada setiap masa dan mendapatkan verifikasi bebas terhadap informasi dan bahan-bahan yang disediakan sebelum membuat sebarang keputusan perlburuan, perniagaan atau keputusan komersial berpandukan informasi dan bahan-bahan yang kami sediakan.

Informasi yang diberikan pihak kami tidak boleh dan tidak patut di ambil kira sebagai suatu tawaran atau cadangan untuk membeli atau menjual sekuriti. Kumpulan Syarikat KAF juga tidak mancadangkan sebarang anggapan bahawa informasi yang dipaparkan di dalam Laman Web Korporat Portal KAF adalah lengkap kepada pelaburan kerana ia adalah mustahil untuk Kumpulan Syarikat KAF untuk mengambil kira objektif pelaburan, situasi kewangan dan keperluan tertentu setiap pihak yang membaca informasi yang terkandung di sini.

- 9.4 Kumpulan Syarikat KAF tidak memberi sebarang jaminan, waranti, atau representasi bahawa anda akan mendapat akses kepada Laman Web Korporat Portal KAF secara keseluruhan atau sebahagian pada setiap masa. Anda mungkin akan mengalami gangguan pada Laman Web Korporat Portal KAF dan Kumpulan Syarikat KAF tidak akan bertanggungjawab kepada anda sekiranya anda mengalami kerugian atau kerosakan akibat sebarang gangguan akses Laman Web Korporat Portal KAF.
- 9.5 Kumpulan Syarikat KAF, pengaruhnya, pegawainya, wakil dan/atau pembekal tidak membuat sebarang representasi mengenai kesesuaian, kebolehpercayaan, kesediaan, kecekapan, ketepatan informasi, perisian, produk, perkhidmatan dan grafik yang berkaitan yang terdapat pada Laman Web Korporat Portal KAF untuk apa-apa tujuan. Setakat mana yang dibenarkan undang-undang yang terpakai, kesemua informasi, perisian, produk, perkhidmatan dan grafik berkenaan, adalah diberikan dalam keadaan sebagaimana sedia ada tanpa sebarang waranti atau syarat-syarat. Kumpulan Syarikat KAF, pengaruhnya, pegawainya, wakil dan/atau pembekal dengan ini menafikan sebarang waranti dan syarat-syarat berkenaan informasi, perisian,

produk, perkhidmatan dan grafik berkenaan termasuklah waranti atau syarat-syarat tersirat kepada kebolehniagaan, kebolehan untuk sebuah tujuan tertentu, hakmilik dan sebarang bukan pelanggaran hak harta intelek.

- 9.6 Setakat mana yang dibenarkan undang-undang terpakai, Kumpulan Syarikat KAF, pengarhnya, pegawainya, wakil dan/atau pembekal tidak akan bertanggungan dalam apa keadaan sekalipun terhadap apa-apa kerugian samada secara langsung atau tidak langsung, tindakan punitif, kerugian sampingan, khas atau apa-apa kerugian turutan atau apa-apa kerugian termasuk dan tidak terhad kepada kerugian yang timbul daripada penggunaan data atau keuntungan yang timbul daripada penggunaan atau prestasi Laman Web Korporat Portal KAF dengan kelewatan atau kegagalan mengguna Laman Web Korporat Portal KAF atau apa-apa perkhidmatan yang berkaitan, dengan kelewatan atau ketidakupayaan untuk mengguna Laman Web Korporat Portal KAF atau mana-mana perkhidmatan, sebarang peruntukan atau kegagalan atau untuk sebarang informasi, perisian, produk, perkhidmatan dan grafik yang berkaitan diperolehi melalui Kumpulan Syarikat KAF atau daripada penggunaan Laman Web Korporat Portal KAF sama ada berpandukan kontrak, tort, kecuaian, tanggungan keras (“strict liability”) atau sebaliknya, walaupun Kumpulan Syarikat KAF, pengarah, pegawainya, wakil dan/atau pembekal kami telah dimaklumkan tentang kerugian yang mungkin terjadi. Had liabiliti ini tidak akan terpakai terhadap anda jika undang-undang yang terpakai dinegeri anda tidak memberarkan peruntukan untuk pengecualian (“exclusion”) untuk menghadkan liabiliti bagi kerugian turutan atau kerugian sampingan. Jika anda tidak berpuashati dengan mana-mana bahagian yang terdapat di Laman Web Korporat Portal KAF, atau terma-terma dan syarat-syarat penggunaan, remedи anda yang tunggal dan ekslusif adalah untuk berhenti menggunakan Laman Web Korporat Portal KAF.

HUBUNGAN PERKHIDMATAN: pdpa@kaf.com.my

10. PENAMATAN/ SEKATAN AKSES

- 10.1 Kumpulan Syarikat KAF mempunyai hak secara tunggal untuk menamatkan atau menyekat akses anda ke Laman Web Korporat Portal KAF dan perkhidmatan yang berkaitan pada bila-bila masa, atas apa-apa sebab tanpa notis. Secara khususnya dan tanpa had, pihak Kumpulan Syarikat KAF berhak menamatkan atau menyekat akses anda sekiranya anda telah melanggar mana-mana terma dan syarat-syarat ini atau melanggar hak bagi Kumpulan Syarikat KAF bagi pengguna lain atau bagi pihak ketiga. Anda bersetuju bahawa pihak KAF tidak akan bertanggungjawab terhadap anda atau mana-mana pihak ketiga akibat daripada penamatan atau pergantungan tersebut.
- 10.2 Terma-terma dan syarat-syarat ini adalah ditadbir, ditafsirkan dan dibaca mengikut undang-undang Malaysia. Dengan mengakses dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan di sini oleh Laman Web Korporat Portal KAF, anda dengan ini memberi kebenaran untuk berada di bawah kawasan ekslusif undang-undang dan mahkamah Malaysia di Kuala Lumpur sekiranya terdapat sebarang pertikaian berkenaan atau timbul daripada penggunaan Laman Web Korporat Portal KAF.

- 10.3 Penggunaan Laman Web Korporat Portal KAF adalah dilarang di dalam mana-mana bidangkuasa yang tidak mengiktiraf terma dan syarat-syarat termasuk tanpa had, seperti yang terkandung di dalam perenggan ini. Anda bersetuju bahawa tiada perhubungan usaha sama, perkongsian, pekerjaan, atau agensi wujud antara anda dan Kumpulan Syarikat KAF yang timbul akibat daripada terma dan syarat-syarat ini atau penggunaan Laman Web Korporat Portal KAF. Perlaksanaan obligasi Kumpulan Syarikat KAF dalam perjanjian ini adalah tertakluk kepada undang-undang dan proses perundangan yang sedia ada dan tiada apa-apa di dalam perjanjian ini yang akan menjelaskan hak Kumpulan Syarikat KAF daripada mematuhi kehendak kerajaan, mahkamah atau undang-undang berkenaan pengaksesan atau penggunaan Laman Web Korporat Portal KAF atau informasi yang Kumpulan Syarikat KAF perolehi akibat penggunaan tersebut.
- 10.4 Kelewatan atau kegagalan pihak Kumpulan Syarikat KAF dalam melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana hak atau peruntukan terma dan syarat-syarat ini tidak akan menyebabkan pengenepian hak atau peruntukan tersebut.
- 10.5 Sekiranya mana-mana bahagian didalam perjanjian ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada penafian waranti dan had-had liabiliti yang terkandung di sini adalah tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan akibat daripada undang-undang, maka proviso yang berkenaan tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan akan digantikan dengan proviso yang sah dan boleh dikuatkuasakan yang menyerupai niat proviso asal di dalam perjanjian ini dan proviso yang selebihnya adalah terpakai. Sebarang hak yang tidak dinyatakan secara jelas disini adalah terpelihara.
- 10.6 Selain daripada yang dinyatakan disini, perjanjian ini merangkumi segala perjanjian diantara pengguna dan Kumpulan Syarikat KAF dalam perkara yang melibatkan Laman Web Korporat Portal KAF. Perjanjian ini akan menggantikan kesemua komunikasi, cadangan samada secara elektronik, bertulis ataupun lisan diantara pengguna dan Kumpulan Syarikat KAF dalam perkara yang melibatkan Laman Web Korporat Portal KAF. Versi perjanjian yang telah dicetak dan apa-apa notis yang berkenaan perjanjian ini dalam versi elektronik adalah diterima dalam prosiding kehakiman dan pentadbiran berpandukan pada atau berkenaan perjanjian ini pada peringkat yang sama dan juga pada syarat-syarat yang sama seperti dokumen perniagaan yang lain dan rekod asal yang dihasilkan dan dijaga di dalam bentuk bercetak. Ia adalah kehendak kedua-dua pihak bahawa Perjanjian ini dan dokumendokumen yang berkaitan dengan Perjanjian ini ditulis di dalam bahasa Inggeris.

11. NOTIS HAK CIPTA DAN CAP DAGANGAN

- 11.1 Kesemua hak, hakmilik dan kepentingan yang berkaitan dengan isi kandungan Laman Web Korporat Portal KAF dan Perkhidmatan bersama-sama dengan segala hak milik yang terdapat di dalam Perkhidmatan tersebut adalah hak milik eksklusif KAF dan melainkan jika dinyatakan sebaliknya adalah milik pembekal pihak ketiga yang berurusan dengan KAF dan mana-mana rahsia perdagangan adalah hak milik eksklusif KAF. Kesemua hak yang berkaitan adalah hak terpelihara.
- 11.2 Anda boleh melawat Laman Web Korporat Portal KAF dan membaca isi kandungannya melalui pelayar web anda dan menyimpan salinan elektronik atau mencetak isi kandungan laman web tersebut atau sebahagian daripadanya, hanya untuk kegunaan sendiri. Anda tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perubahan dalam apa juga keadaan terhadap isi kandungan asal Laman Web Korporat Portal KAF atau manamana laman web yang dimiliki Kumpulan Syarikat KAF. Anda juga tidak dibenarkan untuk menghasilkan semula, menghantar (termasuk menyiarkan) menerima pakai atau sebaliknya menggunakan hak cipta secara keseluruhan atau sebahagian Laman Web Korporat Portal KAF untuk apa-apa kegunaan melainkan jika anda telah diberikan kebenaran secara zahir.
- 11.3 Kumpulan Syarikat KAF menafikan semua liabiliti yang mungkin timbul akibat daripada penghasilan semula yang dilakukan tanpa kebenaran atau penggunaan isi kandungan yang terdapat di dalam Laman Web Korporat Portal KAF.

12. CAP DAGANGAN

- 12.1 Kesemua cap dagangan, cap perkhidmatan dan logo yang dipaparkan di dalam Laman Web Korporat Portal KAF ini adalah hak milik Kumpulan Syarikat KAF dan/atau hak milik pihak ketiga yang berkenaan seperti yang dinyatakan di dalam Laman Web Korporat Portal KAF.
- 12.2 Melainkan kebenaran awal telah diterima daripada Kumpulan Syarikat KAF atau pemilik pihak ketiga yang berkenaan bagi mana-mana cap dagangan, cap perkhidmatan atau logo yang terdapat di Laman Web Korporat Portal KAF. Tiada lesen atau kebenaran diberi kepada mana-mana pihak yang mengakses Laman Web Korporat Portal KAF ini untuk menggunakan, memuat turun, menghasilkan semula, meniru atau menukar sebarang cap dagangan, cap perkhidmatan dan logo. Seperti itu juga, melainkan kebenaran awal secara bertulis telah diterima daripada Kumpulan Syarikat KAF atau pemilik pihak ketiga yang berkenaan telah diperolehi, tiada sebarang cap dagangan, cap perkhidmatan, atau logo yang boleh digunakan sebagai pautan atau menanda mana-mana pautan ke Laman Web Korporat Portal atau laman web yang lain. Sebarang hak yang tidak dinyatakan secara terang disini adalah hak terpelihara.

[Terms](#) [Privacy Statement](#) [Login](#)

Copyright © 2012 KAF Group